

B 8024 AAB  
MAHATHIR - KEHORMAT

KUALA LUMPUR, 4 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA KEHORMAT INSTITUT JURUAUDIT KOPERATIF.

SIJIL PERLANTIKAN ITU DISAMPAIKAN OLEH PRESIDEN INSTITUT, ENCIK IBRAHIM HASSAN DALAM UPACARA RINGKAS DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

UNTUK MENJADI ANGGOTA KEHORMAT INSTITUT ITU, SESEORANG YANG DILANTIK HENDAKLAH TELAH DIIKTIRAF MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN KOPERATIF. JUMLAH ANGGOTA KEHORMAT INSTITUT TIDAK MELEBIHI 20 ORANG PADA SATU-SATU MASA.

INSTITUT ITU BERTUJUAN MELAHIRKAN JURUAUDIT YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG DALAM SEMUA SEKTOR TERMASUK KOPERASI. SERAMAI 608 ORANG SEDANG MENGIKUTI LATIHAN DI INSTITUT ITU.

KELULUSAN INSTITUT DI PERINGKAT FELLOW DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN SEBAGAI KELULUSAN PROFESIONAL UNTUK MENJAWAT JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM TERUTAMA JAWATAN YANG TERBABIT DALAM GERAKAN KOPERASI. -- LAGI.

1842MST 04 03 86

D761

B 8027 AAB  
MAHATHIR - KEHORMAT 2 KUALA LUMPUR

SATU PERBINCANGAN SINGKAT SECARA TERTUTUP DIADAKAN SELEPAS UPACARA ITU DAN ENCIK IBRAHIM DIKATAKAN MEMINTA JASA BAIK PERDANA MENTERI UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN INSTITUT SETARAF DENGAN KELULUSAN UNIVERSITI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN DIKUNJUNGI OLEH ROMBONGAN 17 ORANG WAKIL MAJLIS PENGGALAKAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA CHINA (CCPIT).

ROMBONGAN ITU, YANG DIKETUAI OLEH NAIB Pengerusi CCPIT, ENCIK GUO DONGPO, SETERUSNYA MENGADAKAN RUNDINGAN TERTUTUP DENGAN DEWAN-DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MELAYU DAN CINA DENGAN DIHADIRI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

ROMBONGAN CCPIT KE SINI SEBAGAI MEMBALAS LAWATAN DEWAN-DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MELAYU DAN CINA KE BEIJING, CHINA, OKTOBER TAHUN LALU.

ROMBONGAN CCPIT ADALAH DALAM LAWATAN 10 HARI KE MALAYSIA MULAI HARI INI. -- BERNAMA.

1846MST 04 03 86